

aah

Mahathir-Bosnia (Bergambar)

MALAYSIA MINTA KOUTROS-GHALI LETAK JAWATAN

SUBANG, 22 April (Bernama) -- Malaysia hari ini mendesak Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Koutros Koutros-Ghali meletak jawatan kerana ketidak-upayaannya untuk menyelesaikan konflik di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau merasa dukacita kerana Koutros-Ghali tidak mempunyai pendirian yang tegas dalam menyelesaikan keganasan puak Serb di negara itu.

Sehubungan dengan itu, PBB seharusnya memilih seorang Setiausaha Agung yang "betul-betul seorang aktivis dan berani" yang dapat menyelesaikan segala masalah di Bosnia-Herzegovina, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerak Kerja Perdana Pergerakan Pemuda UMNO di sini.

Perdana Menteri berkata beliau percaya perletakan jawatan oleh Koutros-Ghali akan pasti membawa sedikit perubahan dalam penyelesaian masalah di bekas republik Yugoslavia itu.

"Yang pasti, beliau (Koutros-Ghali) tidak membuat apa-apa untuk menyelesaikan konflik di Bosnia," kata beliau. -- Lagi.

▼22/04/12-28MST

CNS8350

U GR 22-04 00129 RC442

aah

Mahathir-Bosnia 2 Subang

Dr Mahathir berkata beliau kesal kerana Koutros-Ghali telah memandang ringan konflik di Bosnia-Herzegovina sewaktu ia bermula lebih dua tahun dahulu.

"Pada mulanya, Koutros-Ghali berkata kejadian seperti di Bosnia terdapat dimana-mana sahaja...katanya, ini bukan satu sahaja tetapi terdapat 10 lagi kejadian sebegini di tempat-tempat lain," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kenyataan Koutros-Ghali itu seolah-olah memberi galakan kepada puak Serb untuk meneruskan keganasan mereka terhadap orang Islam Bosnia dengan alasan ia bukan satu perkara luar biasa kerana berlaku di tempat lain juga.

Dr Mahathir berkata beliau dukacita kerana Koutros-Ghali yang dipertanggungjawabkan memimpin PBB untuk menjaga kepentingan semua negara, mempunyai pendirian sebegini.

"Sepatutnya, tindakan (menghalang penghapusan etnik di Bosnia-Herzegovina) diambil lebih awal lagi," katanya. -- Lagi

▼22/04/12-44MST

CNS8369

R GR 22-04 00123 RC448

AAH

Mahathir-Bosnia 3 Subang

Perdana Menteri berkata Koutros-Ghali memberi alasan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa untuk menyelesaikan konflik di Bosnia-Herzegovina.

Beliau berkata kini berlaku tuduh menuduh antara Majlis Keselamatan PBB dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) mengenai siapa yang harus dirujuk sebelum sesuatu keputusan dibuat untuk menyekat serangan puak Serb.

"Siapa sebenarnya yang berkuasa... apakah mereka tidak tahu siapa yang berkuasa?" kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan memainkan peranan lebih penting dalam pemilihan Setiausaha Agung PBB pada masa akan datang, beliau berkata pengaruh Malaysia agak terhad dalam perkara itu.

Sebenarnya, banyak negara ditekan oleh kuasa-kuasa besar untuk memilih calon mereka (kuasa besar) bagi jawatan itu, katanya. -- Lagi

CNS8377

R GR 22-04 00140 RC452

AAH

Mahathir-Rosnia 4 Subang

Mengenai perantikan Boutros-Ghali, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak pernah menyokong perantikan Boutros-Ghali sewaktu beliau mengambil alih jawatan itu pada 1991.

Dr Mahathir juga mengulangi kenyataannya bahawa orang Islam Bosnia harus diperlengkapkan dengan senjata supaya mereka dapat mempertahankan diri daripada serangan puak Serb.

"Mereka (PRK) hendaklah memberi peluang kepada orang Islam Bosnia mempertahankan diri... tetapi apa yang dilihat ialah orang Islam Bosnia dihalang daripada mendapatkan senjata.

"Jadi, apa jenis dasar ini yang tak sanggup menolong orang dan pada masa yang sama, tak sanggup membenarkan orang itu menolong (mempertahankan) dirinya... ini satu ketidakadilan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah," katanya.

Beliau berpendapat situasi di Bosnia-Herzegovina akan berbeza jika perkara sebaliknya berlaku di mana "orang yang dibunuh itu adalah bukan Islam dan orang yang membunuh itu adalah Islam". -- lagi

▼22/04/14-45MST

CNS8378

R GR 22-04 00088 RC453

AAH

Mahathir-Rosnia 5 (Akhir) Subang

"Jika ini keadaannya, saya percaya tindakan akan diambil dengan segera," katanya.

Ketika ditanya mengenai kematian Mejar Ramli Shaari yang terbunuh semasa menjalankan tugas melihat tindakan memburu kawasan jerangkap samar di Sibenik, sebuah bandar Croatia di tepi laut Adriatik pada hari Selasa lepas, Dr Mahathir berkata beliau sedih dengan kejadian itu dan kerajaan terhutang budi kepadanya.

"Kita menganggap dia sebagai seorang jaguh yang boleh dicontohi oleh semua rakyat," katanya. -- Bernama

ES NAK

R GR 22-04 00150 RA038

bah

Mahathir - Rosnia 6 Subang (sambungan berita)

Sementara itu di BERNAS, parti Gerakan yang turut menyokong langkah kerajaan mendesak Boutros-Ghali meletak jawatan berpendapat PRK mengamalkan sikap pilih kasih dan perkauman ketika membuat keputusan penting.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, PRK yang dikuasai negara besar seperti Amerika Syarikat dan negara Eropah sebenarnya tidak berminat menyelesaikan masalah yang timbul di negara yang bukan seagamanya atau negara yang ia tidak mempunyai kepentingan tertentu.

"Kerana tindakan berat sebelah khususnya di Bosnia, PRK kini bukan lagi berperanan sebagai pelindung dunia," katanya kepada pemberita hari ini.

Dr Lim berkata, akibat kelemahan itu nyawa rakyat Bosnia dan tentera pengamam terancam walaupun mereka ditempatkan di zon yang diiktiraf selamat oleh PRK sendiri.

Menurutnya, PRK seharusnya seragam dalam membuat keputusan tanpa mengira kepentingan peribadi mana-mana negara besar dunia. -- Bernama

LAT NMO

▼22/04/14-59MST